



## KENYATAAN MEDIA

### TOWN HALL IYRES 2023

### 11 APRIL 2023 (Selasa)

### Dewan Podium B, Menara KBS

- 
1. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan Program Town Hall IYRES 2023 yang diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Podium B, Menara KBS.
  2. Program Town Hall IYRES 2023 telah disempurnakan oleh YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan seterusnya melancarkan Asia Pasific Journal of Youth Studies (APJYS) hari ini.
  3. IYRES telah melancarkan Sistem Portal MyJournal pada 29 November 2021 bersempena dengan Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan (YOURS) 2021 yang bertanggungjawab menguruskan penerbitan jurnal IYRES iaitu Asia Pacific Journal of Youth Studies, APJYS (dahulu dikenali sebagai Malaysia Journal of Youth Studies, MJYS) yang memfokuskan hasil penyelidikan dalam bidang pengajian belia (*youth studies*) yang mencakupi kajian berkenaan belia dari dalam negara dan luar negara terutama Asia Pasifik. Usaha ini dilihat mampu mewujudkan visibiliti dan memberi pengiktirafan serta penarafan kepada jurnal terbitan IYRES sebagai salah satu jurnal yang berkualiti tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa serta memartabat jurnal terbitan IYRES agar ia dapat diindeks dalam pangkalan data antarabangsa seperti *Asia Citation Index (ACI)*, *Scopus* dan lain-lain.

4. Town Hall IYRES merupakan program berkala yang dilaksanakan secara tahunan oleh IYRES bermula tahun 2020. Program tahun keempat anjuran IYRES merupakan platform penyebarluasan hub data belia dan dapatan kajian IYRES kepada pemegang taruh di bawah pembangunan belia untuk dijadikan input dalam merangka program atau aktiviti bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa belia Malaysia.
5. Objektif utama pelaksanaan Town Hall ini adalah untuk **menerangkan penggunaan sistem-sistem di dalam Hub data Belia** untuk dijadikan *tools* bagi perancangan program dan aktiviti pemerksaan belia Malaysia. Program ini juga **memberi peluang kepada peserta untuk menyuarakan persoalan, idea dan cadangan** berkaitan penyelidikan yang dilaksanakan oleh IYRES.
6. Berdasarkan taburan penduduk belia di Malaysia Tahun 2021 didalam Sistem Ydata@IYRES, mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun adalah berjumlah 9.7 juta orang iaitu 30.3 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Angka ini menunjukkan bahawa golongan belia merupakan satu kelompok yang besar dalam masyarakat serta sikap dan tingkah laku mereka akan memberi kesan dan implikasi yang besar kepada masa depan negara.
7. Town Hall ini merupakan salah satu program bagi memastikan hasil dapatan kajian dapat disampaikan kepada mereka dan membuat keputusan untuk merancang program dan strategi yang bermanfaat kepada kumpulan sasaran belia. Program pada hari ini juga akan mengupas dan merungkai berkaitan ekosistem golongan belia melalui aspek kesejahteraan, kesukanan, kepimpinan, ekonomi, kemahiran, sosial belia dan sistem-sistem yang menjadi rujukan pembangunan belia.
8. Melalui input yang dikongsikan daripada pembentangan pada hari ini, pemegang taruh pembangunan belia adalah diharapkan dapat merencana program dan aktiviti yang dapat membimbing golongan belia dan menjadikan mereka berperanan sebagai agen yang mampu untuk membimbing masyarakat ke arah kebaikan dan kesejahteraan.

9. Town Hall kali ini membentangkan lapan (8) dapatan kajian IYRES tahun 2021-2022 dan Hub Data Belia seperti berikut:

i. **Kajian Indeks Belia Malaysia 2022 (IBM'22) :**

Mengupas dapatan kajian Indeks Belia Malaysia 2022 yang merupakan salah satu daripada enam mekanisme penilaian Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 yang melaporkan pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia. Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15) telah diiktiraf sebagai *Key Performance Indicator (KPI)* buat pertama kali dan diteruskan sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020). Bermula dari IBM'15-IBM'20, pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia dilaporkan melalui **12 domain dan 58 indikator**. Seterusnya, bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025), pengiktirafan IBM sebagai KPI Nasional masih diteruskan dan pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia dilaporkan melalui **6 domain dan 41 indikator**. Selaras dengan evolusi pembangunan belia di peringkat nasional dan antarabangsa, perubahan dan pengemaskinian domain serta indikator IBM juga dilaksanakan pada tahun 2021 bagi memenuhi keperluan dan kepentingan golongan belia; berlandaskan model analitik; dan penyelarasan indeks belia di peringkat antarabangsa (Global dan ASEAN).

ii. **Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2022 (IBSM'22) :**

Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) adalah sebuah mekanisme pengukuran trend budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia dalam sukan, senaman dan rekreasi. IBSM'22 telah menggunakan **dua domain dan lima indikator** yang diselaraskan dengan perubahan dan keperluan semasa.

iii. **Kajian Kompetensi Pemimpin Muda :**

IYRES dengan kerjasama i-LEAD telah melaksanakan kajian kompetensi pemimpin muda seiring dengan keperluan Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 yang meletakkan aspek kepimpinan sebagai satu daripada sembilan bidang keutamaan belia.

**iv. Kajian Ketidakupayaan Belia Bersaing Dalam Ekonomi**

Cabaran Ekonomi merupakan salah satu cabaran daripada empat cabaran yang dinyatakan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM). IYRES telah mengambil inisiatif untuk mengkaji ketidakupayaan bersaing dalam sektor ekonomi khusus daripada perspektif belia Malaysia.

**v. Kajian *Upskilling & Reskilling Study for Better Employment Opportunities Among Youth :***

IYRES melalui Pasukan Penyelidik UNIMAS telah melaksanakan kajian berkaitan Latihan *Upskilling* dan *Reskilling* untuk **mengenal pasti peluang pekerjaan golongan belia** bermula bulan Oktober 2020 sehingga Mac 2021 yang lalu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelan tindakan dan inisiatif *upskilling* dan *reskilling* yang diperlukan untuk memastikan peluang pekerjaan yang lebih baik bagi golongan belia selari dengan IR4.0.

**vi. Kajian Aspirasi Belia Keluarga Malaysia :**

Permasalahan dan isu kewangan, pengangguran, salah laku dan kemelut sosial serta faktor-faktor lain dilihat boleh membawa kesan negatif terhadap kesejahteraan hidup belia. IYRES melalui Pasukan Penyelidik UPM telah melaksanakan Kajian Aspirasi Belia Keluarga Malaysia dalam mengumpul aspirasi daripada belia-belia di Malaysia bermula Disember 2020 hingga Jun 2021.

**vii. Kajian Tinjauan Pemilikan Rumah dalam Kalangan Belia Malaysia :**

Pemilikan rumah sentiasa dibincangkan dalam pelbagai ruangan sama ada ruangan akhbar, media elektronik, media sosial, perbahasan parlimen dan sebagainya. Pemilikan rumah telah dijadikan salah satu **agenda utama** kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri dalam setiap rancangan pembangunan sosial. Hal ini kerana rumah merupakan keperluan asas dalam kehidupan masyarakat yang memerlukan sokongan kerajaan dalam

memastikan setiap rakyatnya mempunyai tempat perlindungan iaitu tempat tinggal.

**viii. Hub Data Belia :**

Hub Data Belia merupakan satu gerbang maklumat utama yang mengandungi empat (4) sistem iaitu Hub Statistik (sistem Ydata@IYRES), Hub Profil Belia (Sistem Profil Belia Negara), Hub Pemantauan (Sistem e-MYInd) dan Hub Analitik (sistem *data science* dan *data analytics*). Gerbang ini dibangunkan oleh IYRES, KBS bagi memudahkan capaian maklumat dalam kalangan pemegang taruh pembangunan belia melalui satu platform yang berfokus.

10. Sesi pembentangan dapatan kajian telah dibentangkan oleh YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES. Turut bersama dalam sesi Town Hall berkenaan dihadiri oleh hampir seramai 218 orang peserta.

- TAMAT -

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)**

**11 APRIL 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Unit Komunikasi Korporat, IYRES**

**Tel:03-88713337**

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

## **Mengenai Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)**

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujud dan melaksanakan program latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.